

BAB II

BAB II**KONSEP PERUBAHAN NILAI-NILAI MORAL DALAM
MASYARAKAT ISLAM****A. DEFINISI PERUBAHAN MASYARAKAT SECARA UMUM**

Perubahan dalam masyarakat dan budaya merupakan suatu fenomena universal. Ia berlaku dalam masyarakat dari semasa ke semasa, baik perubahan pola-pola budaya terutamanya sikap mahupun pemikiran yang membawa kesan kepada corak-corak kehidupan.¹ Proses perubahan dalam masyarakat pasti berlaku disebabkan oleh masuknya unsur-unsur baru seperti perubahan teknologi, pertambahan penduduk dan pertambahan ilmu pengetahuan. Kesemua ini merupakan hasil dari pengalaman dan keperluan manusia dalam usaha mereka memperbaiki kehidupan ke arah yang lebih sempurna.²

Perubahan masyarakat dapat didefinisikan sebagai proses persambungan yang lahir di dalam corak perubahan

¹Aziz Deraman (1975), *Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, hlm. 106.

²Ismail Haji Mohd. Yasin (1974), "Proses Perubahan Sosial Dan Modernisasi Masyarakat Melayu Kampung Batu 2, Bakri, Muar, Johor". Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, (Disertasi B.A.) Universiti Malaya, hlm. 7.

dalam konteks perhubungan anggota-anggota masyarakatnya.³ Fairchild (editor) di dalam *Dictionary of Sociology* mengatakan bahawa perubahan sosial adalah variasi atau modifikasi dalam apa-apa aspek proses, corak dan bentuk sosial. Ia adalah satu istilah bagi menunjukkan sesuatu pergerakan sosial. Perubahan sosial ini mungkin sebagai satu yang progresif atau yang regresif, kekal atau sementara, dirancang atau tidak dirancang, mempunyai satu hala atau beberapa hala, memberi faedah atau sebagainya.⁴

Pada hakikatnya perubahan yang berlaku dapat disedari apabila dikaitkan dengan perubahan waktu dan tanggapan terhadap perbezaan-perbezaan yang wujud di antara sesudah dan sebelumnya. Sebagai contoh, perbezaan-perbezaan realiti sosial masyarakat dan budaya sebelum abad ke 19 atau 20 dengan abad selepasnya.

Perubahan sosial bukanlah wujud pada zaman permodernen ini sahaja tetapi telah lahir sejak manusia mengenali kehidupan. Pada masa ini perubahan lebih banyak berlaku dari masa silam kerana perkembangan tenaga dan fikiran manusia semakin bertambah pesat. Ini

³Alvin L. Bertrand (1967), *Basic Sociology*. New York: Appleton Century Crafts, hlm. 118.

⁴Lihat Ismail Mohd Yasin, *op.cit.*, hlm. 7.

membuktikan masyarakat sentiasa berada di dalam peralihan atau perubahan.⁵

Di dalam negara-negara yang sedang berkembang, perubahan-perubahan masyarakat dari segi sifatnya digolongkan kepada dua bentuk iaitu:⁶

1. Perubahan-perubahan sosial yang disebabkan oleh usaha pembangunan negara termasuk segala kesan yang sengaja dan tidak sengaja serta kesan positif dan negatif.

2. Proses-proses perubahan sosial yang mencakupi waktu jangka panjang yang berjalan ke arah kecenderungan yang otonomi seperti diakibatkan oleh pertumbuhan penduduk, perkembangan teknologi dan ilmu pengetahuan, kemajuan komunikasi, kemajuan kecerdasan bangsa, peningkatan harapan-harapan dan aspirasi masyarakat.

⁵Nik Zainab Hj Abd. Karim (1975), *Wanita Melayu Dalam Konteks Perubahan Ekonomi Dan Politik (Satu Kes Studi Di Kota Bharu)*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya (Tesis M.A.), hlm. 52.

⁶H.A. Mukti Ali et. al., (1988), *Agama Kebudayaan Dan Pembangunan Menyongsong Era Industrialisasi*. Drs. Musa Asy'arie (ed.), Yogyakarta: IAIN Sunan Kalijaya Press, hlm. 156.

Dalam mengkaji interaksi sesama insan, ahli-ahli sosiologi secara umumnya bersetuju bahawa unsur dalaman masyarakat insan selalu berubah. Ciri dinamik masyarakat insan ini jelas kelihatan dalam masyarakat industri yang membangun. Struktur hubungan sosial yang melingungi manusia adalah dinamik secara semulajadi. Dari perspektif ini, semua masyarakat insan boleh dianggap sebagai masyarakat yang sedang membangun.⁷ Ibnu Khaldun telah menggambarkan tamadun insan, pada asasnya dalam sebutan perubahan.⁸

Andaian yang pertama dalam teori perubahan sosial ialah evolusi. Teori yang dibuat mengenai evolusi sosial berdasarkan andaian bahawa masyarakat membangun berdasarkan satu arah, dari bentuk yang kurang kompleks kepada bentuk yang lebih kompleks, dari satu tahap teknologi yang rendah kepada tahap teknologi yang lebih tinggi dan dari struktur sosio ekonomi dan politik yang lebih rendah kepada struktur yang lebih tinggi. Walau

⁷ Ilyas Ba-Yunus, "Pembangunan Dan Realiti Sosial: Fokus Terhadap Masyarakat Islam", di dalam Persatuan Sains Sosial Islam (1994), *Islam Dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 29.

⁸ Franz Rosenthal (1958), *The Muqaddimah An Introduction To History*. (Jil. 3), New York: Pantheon Books, hlm. xi

bagaimanapun sejak kebelakangan ini, ahli-ahli sosiologi telah meragui andaian ini. Di antara sebabnya ialah pemerhatian bahawa kebanyakkan masyarakat hari ini pada hakikatnya sedang mengalami perubahan dari bentuk yang lebih tinggi kepada bentuk yang lebih rendah. Sebagai contohnya dari segi makanan, kewujudan tempat tinggal, nafkah hidup, teknologi dan aspek-aspek kebudayaan yang lain.⁹

Di dalam memperkatakan tentang konsep perubahan, kita tidak dapat lari dari dua kenyataan iaitu aspek-aspek yang diubah dan proses perubahan itu sendiri. Proses menuju ke arah perubahan melibatkan manusia iaitu individu-individu dan masyarakat keseluruhannya.¹⁰ Dalam setiap perubahan yang berlaku, ia memerlukan penyesuaian oleh anggota masyarakat. Walau bagaimanapun penyesuaian ini hendaklah sentiasa berlaku dalam rangka nilai-nilai hidup yang tinggi. Tanpa panduan ini, masyarakat akan menjadi terasing dan tertekan dengan berbagai-bagai cabaran dan dorongan yang boleh dirosakkan.

⁹ . Ilyas Ba-Yunus, *op.cit.*, hlm. 30.

¹⁰ Ismail Hj Mohd Yasin, *op.cit.*, hlm. 12 dan 13.

Perubahan sosial sudah pasti akan membawa kepada perubahan tata nilai. Apabila dunia terus mengalami perubahan dari beberapa aspek, tentulah 'alam fikiran' dan sikap generasi terus berubah. Masyarakat Malaysia sebagaimana masyarakat negara-negara lain dalam dunia hari ini, sentiasa terdedah kepada gelombang perubahan sosial (*sosial change*), perubahan kebudayaan (*cultural change*), pertumbuhan kebudayaan (*cultural growth*) yang lahir daripada pelbagai agensi perubahan.¹¹

Penekanan kepada peradaban serta kebudayaan sebagai unsur-unsur yang sangat penting dan berpengaruh kepada manusia telah mengubah bukan sahaja pendirian kuasa-kuasa besar dunia terhadap keperluan budaya sebagai sebahagian daripada kedinamikan akal manusia, bahkan juga memperihalkan betapa keupayaan budaya adalah sangat tinggi dan beroperasi untuk membuat perubahan besar di dalam sejarah kehidupan manusia. Datuk Seri Dr. Mahathir pernah mengatakan bahawa "budaya sesuatu masyarakat adalah fakta utama yang akan menentukan maju mundurnya masyarakat itu. Budaya bukan dicerminkan oleh kesenian dan lain-lain aspek fizikal, tetapi lebih penting lagi

¹¹ Yusof Noor (1980), "Nilai-nilai Islam Dalam Pembangunan Negara Dan Kebudayaan", Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan. (Kertas Kerja ini dibentang dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat-masyarakat Malaysia 10 - 11 Mac 1980).

ialah nilai-nilai yang diamalkan.¹²

B. SEJARAH RINGKAS MASYARAKAT ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

1. Sejarah Kedatangan Islam Di Kepulauan Melayu

Terdapat berbagai-bagai pendapat tentang permulaan penyebaran Islam di Kepulauan Melayu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Islam sampai ke Kepulauan Melayu di antara kurun ke 12 dan 15 Masehi. Pendapat ini ditegaskan oleh puak-puak Orientalis seperti Snouck Hurgronje, Marsden, De Barros dan Crawford.¹³ Para pengkaji telah mengemukakan penemuan batu-batu nisan, sumber-sumber China, Arab Parsi dan juga terdapatnya berbagai-bagai hikayat sewaktu perkembangan Islam sebagai bukti-bukti kedatangan Islam. Di antaranya batu nisan seorang wanita di Leran bertarikh 1082, batu nisan Malikul Salleh bertarikh 1297 yang menunjukkan Islam sekurang-kurangnya sudah wujud di Sumatera Utara sebelum kurun Masehi ke 13 lagi.¹⁴

¹²Nasrudin Mohammad, "Relativisme Budaya Di Dalam Politik." *Utusan Malaysia*, 2 Oktober 1993, hlm. 7.

¹³Abdul Wahab Hj. Kiya (1993), *Muslimū Mālīziyyā Baina al-Mādhī Wa al-Hādhīr*, Tarablas: Kuliyyat al-Da'wat al-Islāmiyyat, hlm. 31.

¹⁴Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 63.

Bukti terawal sekali tentang adanya Islam di Semenanjung ialah melalui penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303/702H dengan tulisan Melayu-Arab. Para pengkaji berpendapat bahawa perhubungan Arab-Parsi dengan rantau ini berlaku sejak dahulu lagi, walaupun mereka lebih tertumpu kepada perniagaan dan bukan menyebarkan Islam.

Ada juga pendapat yang mengatakan Islam sampai ke Kepulauan Melayu sejak kurun pertama hijrah Rasulullah s.a.w. Ia kemudiannya tersebar hampir 1/4 daripada kawasan Kepulauan Melayu secara berperingkat-peringkat pada zaman *Khulafa' ar-Rasyidin*. Pada zaman Umawi (41-132H) barulah dakwah Islam ini berjalan dengan teratur di bawah penyebaran para pendakwah dan pedagang Arab. Hujah ini dibuktikan dengan beberapa catatan penting dari pusaka pustaka Tiongkok.¹⁵

Bukti lain ialah tentang satu rombongan dari Semenanjung Tanah Arab telah sampai ke bumi Melayu pada tahun 65 Hijrah (675M) untuk meninjau keadaan penduduk di sini. Mereka telah mendapati bahawa keseluruhan pulau ini dikuasai oleh agama Hindu. Oleh itu rombongan ini

¹⁵ Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (1977), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 35.

berpendapat adalah baik mereka meninggalkan para pendakwah dan pedagang Islam untuk menyebarkan dakwah Islam di kalangan penduduk Kepulauan Melayu tanpa melakukan serangan dan penaklukan.¹⁶

Proses pengislaman peringkat awal berlaku agak lambat kerana motif kedatangan mereka yang utama bukan untuk menyebarkan Islam. Kegiatan penyebaran berjalan lancar selepas kurun Masehi ke 13 dan digiatkan lagi selepas kurun Masehi ke 15 di mana peranan itu dimainkan oleh Melaka (kurun Masehi 15), Jawa (kurun Masehi 16) dan Aceh (kurun Masehi 17 dan 18).¹⁷ Dua faktor penting yang biasa dikaitkan dengan penyebaran Islam ialah peristiwa-peristiwa sejarah yang berupa penaklukan India oleh orang-orang Islam dalam kurun Masehi ke 13 dan wujudnya konflik antara Kristian dengan Islam di Barat di mana terbukti di dalam persaingan mereka di Nusantara. Di samping itu kebangkitan Melaka dan kekuatan kesultannya telah memberi kesan yang baik terhadap penyebaran Islam di rantau ini.¹⁸

¹⁶HAMKA, *op.cit.*, hlm. 424 - 425.

¹⁷Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 67.

¹⁸*Ibid.*

Ada dua pandangan yang cuba melihat pertapakan Islam di sini:

Kebanyakan golongan Orientalis berpendapat bahawa Islam sampai ke Kepulauan Melayu melalui pedagang-pedagang India dan Parsi.¹⁹ Menurut Vlekke, agama Islam bukanlah tersebar melalui mubaligh-mubaligh. Pedagang-pedagang dan saudagar-saudagar dari Gujerat yang datang bukanlah dengan maksud menyebarluaskan Islam tetapi menjalankan perniagaan.²⁰

Pendapat lain pula mengatakan Islam dibawa oleh pedagang dari Arab memandangkan hubungan Arab dengan rantau ini, khususnya dari segi perdagangan sejak kurun Masehi ke 8 lagi. Tambahan pula terdapat persamaan nama raja-raja di Pasai dan Sumatera dengan raja-raja di Timur Tengah. Menurut Prof. Syed Muhamad Naquib al-Attas, ciri-ciri yang sah bagi menentukan faktor-faktor ini adalah menerusi tulisan serta bahasa dan kesusaasteraan.²¹ Hasil kesusaasteraan keagamaan mengenai sumber-sumber

¹⁹HAMKA, *op.cit.*, hlm. 420 -424.

²⁰Vlekke (1967), *Nusantara; Sejarah Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 86.

²¹Syed Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM, hlm. 33 - 35.

tulisan lama Islam berkenaan kepulauan ini, tidak merujuk kepada penulis India atau kepada kitab-kitab yang berasal dari India. Menurut beliau lagi, kitab yang dikatakan 'berasal dari India' atau 'penulisnya orang India' oleh sarjana barat sebenarnya adalah penulis dan kitab-kitab Arab.

S.Q. Fatimi menegaskan bahawa hubungan pertama rantau ini dengan Islam adalah dilakukan oleh pedagang-pedagang Islam dari Arab, Parsi dan India. Proses pengislaman yang selanjutnya berlaku dalam abad ke 13 melalui kedatangan golongan sufi.²²

Golongan Orientalis cuba menimbulkan keraguan terhadap keaslian ajaran Islam di Kepulauan Melayu melalui hujah Islam dibawa oleh para pedagang India dan Parsi. Walau bagaimanapun sejarawan tempatan tidak menafikan kesungguhan para pendakwah dari golongan bukan Arab dalam menyebarkan Islam ke Kepulauan Melayu. Kedatangan ulama-ulama dari China, Parsi, Afghanistan, Iran dan lain-lain ke Malaysia dan Kepulauan Melayu telah

²²S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd. hlm. 30.

meninggalkan kesan mendalam terhadap adat, taklid dan bahasa tempatan.²³

2. Adat Resam Dan Cara Hidup

Perkataan 'adat' adalah berasal dari bahasa Arab yang bererti kebiasaan berulang. Adat merupakan sejumlah kebiasaan yang diterima dan dilakukan secara berulang-kali oleh masyarakat dan umumnya diteruskan secara turun-temurun. Adat mengandungi pengertian sebagai sesuatu yang baik dan orang-orang yang tingkah-lakunya tidak baik sering disebut sebagai orang yang tidak beradat.²⁴

Adat adalah sesuatu yang tidak bertulis. Perkembangannya secara turun temurun ini sudah tidak lagi berjalan sebagai semestinya pada kurun terakhir ini. Hanya adat yang menyentuh soal moral dan sopan santun sahaja yang masih dikembangkan dengan cara ini.²⁵ Adat

²³HAMKA, *op.cit.*, hlm. 430.

²⁴Ahmad Luthfi (1985), "Beberapa Catatan Tentang Corak Dan Warna Adat Melayu Riau". Indonesia: Pekan Baru (Kertas kerja ini dibentang dalam Seminar Pertemuan Budaya Melayu Riau 31 Jan - 2 Feb 1985), hlm. 22.

²⁵Wan Ghalib (1985), "Adat Dalam Masyarakat Melayu Riau". Indonesia: Pekan Baru (Kertas kerja dibentang dalam Seminar Pertemuan Budaya Melayu Riau 31 Jan - 2 Feb. 1985), hlm. 1.

dan kepercayaan yang dianuti menggambarkan nilai-nilai yang menjadi pegangan hidup masyarakat.

Adat resam masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipengaruhi oleh unsur-unsur agama Hindu dan Islam. Pengaruh Hindu ini dapat dilihat dengan jelas dalam setengah adat perkahwinan dan istiadat pertabalan raja. Adat yang diamalkan oleh masyarakat Islam ini pada umumnya merupakan perpaduan antara Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

Adat Temenggung adalah berdasarkan nasab bapa manakala Adat Perpatih berdasarkan nasab ibu.²⁶ Tradisi Adat Temenggung lebih bersifat autokratik dan kurang menunjukkan ciri-ciri demokrasi kerana kedudukan kuasa dan pemerintahan sepenuhnya berada di tangan pemerintah. Adat ini sedikit sebanyak menepati ciri-ciri undang-undang Islam seperti dalam pembahagian harta pusaka. Adat Pepatih pula lebih menumpukan prinsip tanggungjawab bersama raja yang berdaulat. Namun kuasa pemerintah terhad seperti yang tercatat di dalam peraturan adat tersebut. Adat Perpatih hanya diamalkan di Negeri

²⁶Raja Rohana Raja Mamat (1991), *Peranan Dan Status Wanita Melayu Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 23.

Sembilan dan sebahagian daerah di Melaka.²⁷

Masyarakat Islam yang bukan beradat Perpatih mengamalkan hukum fekah Islam di samping Adat Temenggung. Manakala dalam institusi negara pula, masyarakat Islam dilindungi oleh perlembagaan dan institusi perundangan yang berasaskan perundangan Inggeris. Jelasnya Adat Temenggung dan hukum fikah Islam diamalkan oleh orang Islam dalam lingkungan keluarga dan masyarakatnya; manakala dalam konteks hubungan dengan masyarakat bukan Melayu, pentadbiran dalam dan luar negara mereka terikat oleh sistem peraturan dan perundangan barat.²⁸

Apabila dibincangkan tentang adat sesuatu masyarakat, ia tidak akan terlepas daripada membicarakan tentang norma-norma yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Norma-norma tercipta dalam masyarakat agar hubungan antara individu itu dapat berjalan dengan baik.

Adat resam orang Islam tidak bersifat beku. Ia

²⁷ *Ibid.*; (t.p) (1986), "Social System And Customs", *Information Malaysia 1986 Year Book*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., hlm. 771.

²⁸ Mohamad bin Kassim dan Rahim Syam (1987), "Penghayatan Islam Dan Amalan Adat Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. (Kertas kerja ini dibentang dalam Seminar Sehari Adat Sebagai Warisan Bangsa 19 Dis 1987), hlm. 15.

bersedia menerima perubahan selagi perubahan itu bersifat membina dan tidak merosakkan. Pada kebiasaannya perubahan yang dimaksudkan itu tidak berlaku secara mengejut di dalam waktu yang singkat. Ia berlaku secara beransur-ansur sehingga lama-kelamaan dengan sendirinya diakui menjadi adat yang terpakai.²⁹

Adat yang diamalkan ini juga mencakupi bidang pemerintahan, ekonomi, sosial, kemasyarakatan, seni budaya, etika atau susila dan kepercayaan. Adat yang berkembang dalam berbagai aspek kehidupan tersebut mencerminkan norma dan nilai yang hidup dalam masyarakat Islam di sini. Prinsip-prinsip dasar yang ingin dipertahankan oleh adat dan menjadi tujuan yang ingin dicapai oleh adat tersebut ialah:³⁰

a. Menjaga Keharmonian

Yang dimaksudkan dengan keharmonian ialah adanya hubungan baik antara sesama individu dalam lingkungan masyarakat dan dengan dunia ghaib yang melingkunginya. Keharmonian sesama anggota masyarakat tergambar melalui

²⁹ Syed Alwi Sheikh Al-Hadi (1980), *Adat Resam Dan Adat Istiadat Melayu.* (cet. ke 6), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. x.

³⁰ Ahmad Luthfi, *op.cit.*, hlm. 29.

adat bergotong royong, saling menghormati, saling menziarahi, membantu orang yang dalam kesusahan dan sebagainya.

Keharmonian dengan dunia ghaib merupakan satu kepercayaan yang menjadi pegangan sebahagian orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam pemikiran mereka, dunia ciptaan Tuhan ini turut didiami oleh makhluk-makhluk halus. Oleh itu perlu dipelihara hubungan baik dengan mereka.

Keharmonian hubungan dengan Tuhan tercermin pula dalam upacara-upacara yang dilakukan baik sebelum mahupun selepas berusaha. Dalam masyarakat Islam ini juga terdapat bermacam jenis kenduri dan upacara yang bertujuan untuk memelihara hubungan dengan Tuhan seperti kenduri kesyukuran dan sebagainya.

b. Memelihara Susila Dan Adat Sopan

Orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini sangat mengambil berat soal sopan santun dan tatasusila sama ada dalam pergaulan, berpakaian, upacara, tuturkata dan kelakuan sehari-hari. Adat yang diamalkan oleh mereka dihiasi dengan berbagai tatasusila dan sopan santun.

c. Melaksanakan Ibadat Keagamaan

Bertepatan dengan agama Islam yang telah menjadi identiti mereka, perlaksanaan sebahagian ibadat agama telah menjadi masalah adat. Adat merupakan wadah dalam perlaksanaan ketentuan agama. Sebagai contohnya pemakaian tudung kepala sebagai melaksanakan tuntutan menutup aurat.

d. Menjaga Kejujuran

Sifat jujur dan amanah merupakan salah satu ciri-ciri orang Islam. Ia merupakan sifat yang dianjurkan oleh agama dan adat mereka serta amat diberi penekanan.

e. Bersifat Terbuka

Keterbukaan adat yang diamalkan adalah sesuai dengan kedudukan geografinya yang berada di tengah jalan pelayaran. Keterbukaan ini mengakibatkan ia menyerap unsur-unsur baru dari luar. Ia juga memungkinkan pihak luar menyerap adat istiadat yang terdapat di daerah ini. Walau bagaimanapun sifat keterbukaan ini kadang-kadang menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap adat mereka. Sifat keterbukaan ini terserlah melalui penerimaan mereka

terhadap orang asing. Mereka dapat bergaul dengan baik walaupun berlainan agama dan adat.

Islam telah membawa unsur-unsur rasionalisme dan intelektualisme ke dalam kehidupan masyarakat. Pada zaman animisme dan Hindu-Buddha, mereka memohon kepada kuasa-kuasa ghaib dan dewa-dewa. Ianya berubah apabila Islam sampai di Kepulauan Melayu. Islam telah mengajar penganutnya memohon doa kepada Allah dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan bukan bacaan mentera.(lihat hlm. 54)

Kedatangan Islam telah mengubah kepercayaan yang telah ditanam oleh pengaruh peradaban India dan menukar falsafah serta kepercayaannya. Ia mementingkan kemanusiaan, pemikiran rasional dan tauladan, tidak lagi kepada konsep ideal semata-mata. Walaupun unsur-unsur asing meresap ke dalam masyarakat Islam, namun seluruh kehidupan mereka adalah bertunjangkan agama Islam.

Disebabkan perubahan pergaulan masyarakat Islam seperti pendedahan terhadap budaya barat dan pergaulan dengan orang-orang bukan Islam, adat resam itu kurang diketahui dan diamalkan. Oleh itu untuk meninggikan budaya masyarakat Islam, aturan-aturan kesopanan masyarakat hendaklah ditegakkan dan diperkuuhkan semula.

Ini tidaklah bererti bahawa semua peraturan-peraturan terdahulu mesti dipakai. Apa yang dimaksudkan disini ialah semua itu mesti dikaji dan diperiksa dengan teliti berdasarkan keseimbangan jiwa serta kemajuan rakyat. Mana-mana adat yang sesuai dengan Islam dan perkembangan semasa hendaklah dikekalkan dan yang tidak sesuai harus diketepikan.

3. Pengaruh Agama Dan Fahaman Lain

Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melalui peringkat-peringkat kehidupan secara evolusi yang lama dan kompleks. Daripada menganuti fahaman animisme, mereka beralih kepada Hindu dan Buddha diikuti oleh Islam dan seterusnya fahaman sekularisme barat. Ia mempunyai keunikan tersendiri di mana tiada satu pun bangsa yang mempunyai kepercayaan-kepercayaan agama seperti mereka.³¹ Di kalangan mereka terdapat golongan yang sentiasa mencari ajaran-ajaran baru yang membolehkan mereka mentadbir masyarakat, menegakkan keadilan dan menyuburkan tuntutan rohani bagi mengganti zaman kegelapan dan ketiadaan nilai akhlak.

³¹Abdul Wahab Hj Kiya, *op.cit.*, hlm. 25.

Fenomena ini menarik perhatian para antropologis, ahli budaya, orientalis dan para sarjana di barat mahupun di timur kerana melihat satu kelompok manusia yang telah diwarnai oleh pelbagai pemikiran dan falsafah.³² Mengikut teori '*thin venner*', Islam hanyalah satu lapisan nipis (*thin venner*) di dalam kompleks kebudayaan masyarakat Islam di sini. Sekiranya diri mereka 'dikupas-kupas', kita akan bertemu dengan seorang 'animis'. Para pengkaji barat pada zaman penjajahan berpendapat Islam tidak berkesan dalam kehidupan orang Islam.³³ Teori ini melihat tradisi-tradisi animisme, Hindu-Buddha dan Islam sebagai tiga tradisi yang berbeza tetapi wujud bersama. Walau bagaimanapun, teori tersebut tidak mengatakan bagaimana *interpenetration* elemen-elemen tertentu di kalangan ketiga-tiga tradisi itu berlaku dan dimanifestasikan di dalam kehidupan keagamaan orang Islam.³⁴

³²Mohamad Kasim dan Rahim Syam, *op.cit.*, hlm. 9.

³³Syarifah Zaleha Syed Hassan (1985), "Islam Dan Batasan Kebudayaan Alam Melayu: Satu Tinjauan Antropologi". Kuala Lumpur: Universiti Malaya (kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Melayu.

³⁴*Ibid.*, hlm. 5.

Kehidupan masyarakat Islam di sini turut bercampur-aduk di antara amalan agama dengan fahaman-fahaman tersebut di mana sebahagiannya menjadi adat resam dalam masyarakat. Walau bagaimanapun fahaman yang paling dominan dalam masyarakat Islam ini ialah fahaman Islam.

a. Animisme

Sebelum kedatangan agama Hindu, penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak mempunyai agama. Walau bagaimanapun sebelum memeluk Islam kehidupan mereka terumbang-ambing disebabkan pegangan terhadap kepercayaan yang menyesatkan.³⁵

Pada zaman purba, penduduk di sini menganut fahaman animisme iaitu kepercayaan kepada semangat dan benda-benda ghaib. Tidak dapat dipastikan dari mana timbulnya kepercayaan-kepercayaan animisme itu pada masyarakat kaum primitif.³⁶

Orang Islam yang tinggal di pendalaman masih lagi

³⁵ Abdul Wahab Hj. Kiya, *op.cit.*, hlm. 22.

³⁶ Nik Safiah Hj. Abdul Karim et.al. (ed.), (t.t.), *Women of Malaysia*. Malaysia: Asian Institut For Development Communication, hlm. 39.

berpegang teguh kepada kepercayaan-kepercayaan animisme. Di antara contoh yang dapat dilihat ialah cara rawatan orang sakit iaitu jampi 'puteri' di Kelantan, adat memuja semangat padi di Negeri Sembilan, memuja pantai di Terengganu dan Kelantan dan sebagainya. Berbagai-bagai kepercayaan karut ada pada mereka. Bagi sesetengah orang Islam, hantu-hantu dan mambang-mambang mempunyai kuasa untuk merosakkan mereka. Jika anak-anak masuk ke dalam belukar dan pulangnya jatuh sakit, maka itu dikatakan terkena 'teguran'. Hanya dukun sahaja yang tahu mengubatinya.³⁷

Bagi mereka setiap benda yang hidup dan mati mempunyai semangat yang mesti dipuja agar tidak mengganggu ketenteraman masyarakat. Dari konsep-konsep yang terhasil daripada kepercayaan-kepercayaan tadi, timbul pantang-larang, adat istiadat, undang-undang, kepercayaan dan sebagainya yang mengembangkan pula kesenian-kesenian tertentu untuk pemujaan terhadap semangat. Di samping itu juga turut lahir tarian-tarian, mentera, adat menanam, adat kematian dan lain-lain yang mempunyai hubungan yang erat dengan kepercayaan itu.³⁸

³⁷Nik Safiah Hj. Abdul Karim et.al., *op.cit.*, hlm. 62 - 63.

³⁸Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 101.

Sekiranya diteliti sistem makna yang tersembunyi di dalam kepercayaan animisme tentang semangat dan makhluk-makhluk halus, didapati bahawa kepercayaan-kepercayaan ini menekankan soal-soal duniawi. Di dalam tradisi animisme, tidak terdapat idea mengenai roh dan dunia akhir yang boleh dijadikan bahan spekulasi falsafah seperti di dalam Islam. Ini jelas dibayangkan di dalam ritual perubatan yang dikendalikan oleh seorang bomoh. Walaupun ritual-ritual itu masih terdapat di kalangan orang Islam dan berguna untuk membantu mereka menyelesaikan masalah harian, tetapi institusi dan simbol-simbol daripada tradisi pra Islam ini tidak mampu memberi kata putus tentang persoalan yang lebih besar. Sebagai contohnya, tentang apa yang akan terjadi kepada roh manusia selepas mati, zat-zat kewujudan dan sebagainya.³⁹

Mentera,⁴⁰ jampi⁴¹ dan serapah⁴² yang merupakan

³⁹Ungku Mohamad Zaman Tahir (1986), *Delima Batu*, Segamat: Textbooks Malaysia Sdn. Bhd. hlm. 15.

⁴⁰'Mentera' ialah kata-kata atau ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib (untuk menyembuhkan penyakit dan lain-lain). Dr. Teuku Iskandar (editor) 1984, *Kamus Dewan*. cet. ke 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 740.

⁴¹'Jampi' bererti kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendatangkan kesaktian (seperti boleh menyembuhkan penyakit dan lain-lain) *Ibid.*, hlm. 435.

⁴²'Serapah' bermaksud mengucapkan jampi atau mentera untuk menghalau hantu dan lain-lain. *Ibid*, hlm. 1088.

kebudayaan asli penduduk di sini dan dilafazkan oleh tok-tok pawang, dukun dan bomoh jelas memperlihatkan sikap animisme mereka. Dalam bacaan yang terkandung di dalam mentera seseorang bomoh misalnya, 'seraphah pelesit⁴³', nama-nama hantu, dewa-dewa dan jembalang-jembalang (berunsur animisme) dicampur-adukkan dengan ayat-ayat suci al-Quran.⁴⁴

b. Hindu-Buddha

Di antara pengaruh asing yang meresap ke dalam kehidupan masyarakat Islam di sini ialah pengaruh peradaban India. Ia dikatakan bermula dari kurun pertama Masihi hingga kedatangan pengaruh Islam iaitu sekitar kurun ke 14 dan 15.⁴⁵ Ia berkembang di dalam dua bentuk falsafah kepercayaan yang penting iaitu Hinduisme dan Buddhism.⁴⁶ Agama Hindu dikenali sebagai agama pertama yang dianuti oleh penduduk di sini.

⁴³'Seraphah pelesit' ialah mengucapkan jampi atau mentera untuk menghalau hantu yang suka menghisap darah atau memakan mayat kanak-kanak (selalu merupakan diri sebagai belalang). *Ibid*, hlm. 856 dan 1088. Temubual dengan Siti Hawa Abu Bakar pada 16.12.95, di Kota Bharu, Kelantan.

⁴⁴Syarifah Zaleha Syed Hassan, *op.cit.*, hlm. 15.

⁴⁵HAMKA, *op.cit.*, hlm. 414.

⁴⁶Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 43.

Pengaruh India ini berlaku khususnya melalui perdagangan. Perhubungan India dengan daerah-daerah di sebelah sini dikatakan wujud semenjak 100 hingga 200 tahun sebelum Masehi lagi. Tetapi perhubungan yang benar-benar mempengaruhi kehidupan masyarakat di sini ialah tahun-tahun selepas Masehi.⁴⁷ Walau bagaimanapun bukti sejarah tentang cara dan metod kebudayaan India berjaya menembusi Asia Tenggara adalah tidak jelas. Yang pastinya masyarakat di sini mengetahui tentang *alphabet*, undang-undang, kesusasteraan, kepercayaan Hindu dan Buddha serta kraftangan seperti menenun sutera, menempa emas dan perak daripada India.⁴⁸

Orang-orang India telah mengajar peraturan hidup yang lebih sempurna pada masa itu. Mereka telah banyak meninggalkan kesan-kesan pengajaran agama, adat-istiadat, pengetahuan, perusahaan dan lain-lain. Seorang pengembara China bersama I-Tsing dalam lawatannya telah singgah di negeri Seri Vijaya dan mendapati di sana ada sebuah Sekolah Tinggi Buddha. Murid-muridnya terdiri dari

47 *Ibid.*

48 Russel F. Moore (1974), Thailand, Malaysia, Singapore: People, Place, History. New York. Thai - American Publishers, hlm. 78.

berbagai bangsa. Ini membuktikan bahawa pada masa itu telah ada tulisan yang digunakan sebagai alat pengajaran.⁴⁹

Penyebaran pengaruh India dibuktikan dengan adanya batu-batu bersurat mengenai wujudnya beberapa kerajaan bercorak India dan juga berdasarkan sumber-sumber penulisan China, terutamanya oleh pengembara-pengembara seperti Fa Hsien dan I-Tsing serta patung-patung berhala yang dijumpai.⁵⁰ Di Semenanjung Malaysia misalnya, dikatakan sudah mempunyai kerajaan di sebelah utara pada awal kurun Masehi ke 4. Batu-batu bersurat tulisan India kuno didapati di Cerok Tokkun, Seberang Prai dan tulisan-tulisan Sanskrit kepingan batu di Bukit Meriam, Kedah. Kedua-duanya bertarikh lebih kurang kurun Masihi ke 4. Kerajaan Melayu terawal yang menjadi sebahagian dari kerajaan Buddha-Langkasuka ialah Kedah yang juga telah mempunyai hubungan dagang dan budaya dengan India dan Kemboja.⁵¹ Pengaruh dari Tanah Besar India telah meresap dan berakar umbi di dalam masyarakat ini dalam tempoh

⁴⁹Raja Mohamad Nuruddin al-Haji (1982), "Kebudayaan Melayu Secara Umum". Abdul Samad bin Ahmad (ed.), Melaka: Majlis Kebudayaan Negeri Melaka. (Kertas kerja ini merupakan dokumen yang dibentangkan dalam Kongres Kebudayaan Melayu 1 pada 30.12.57 hingga 2.1.1958.

⁵⁰Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 43.

⁵¹*Ibid.*, hlm. 45.

yang panjang, iaitu kira-kira 1000 tahun di Alam Melayu.⁵² Kepercayaan Hindu yang paling utama di kalangan masyarakat Islam di sini ialah dari segi mentera. Daripada intipati jampinya dapat dilihat keteguhan kepercayaan terhadap dewa dan dewi. Sebagai contoh di dalam beberapa ayat di bawah, mereka menggunakan nama dewa-dewi Hindu.⁵³

*"Perkataan ini bukan perkataanku,
Perkataan Sang Narada,
Perkataan Sang Samba"*

Pengaruh-pengaruh tersebut ada yang telah luput akibat perubahan masa dan ada yang masih kekal sehingga ke hari ini. Di antaranya yang masih kekal ialah:-

i. Penggunaan Bahasa.

Dalam bahasa Melayu terdapat beratus-ratus perkataan Hindu yang berasal dari bahasa Sanskrit. Perkataan ini meresap masuk ke dalam bahasa penduduk tempatan hasil dari perkembangan agama Hindu. Di antaranya ialah Berhala, Senja, Suria, Syurga, Neraka, Pahala, Dosa dan

⁵²Ungku Mohamad Zaman Tahir, *op.cit.*, hlm. 52.

⁵³Nik Safiah Hj. Abdul Karim et.al., *op.cit.*, hlm. 75-76.

Seksa.⁵⁴ Ada setengah sarjana bahasa mengatakan 1/3 daripada bahasa Melayu berasal dari kata-kata Sanskrit.⁵⁵

ii. Kesusasteraan

Terdapat unsur-unsur pengaruh yang jelas di dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan. Dalam kesusasteraan Melayu terdapat dua epik yang penting berbentuk prosa iaitu Ramayana dan Mahabharata yang merupakan karya Sanskrit purba.⁵⁶

Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa, Sejarah Melayu dan Hikayat Nakhoda Muda adalah contoh-contoh hikayat yang telah disesuaikan dengan iklim tempatan.⁵⁷ Pengaruh-pengaruh epik Hindu ini memberi kesan di dalam kesenian rakyat seperti dalam bidang tarian, wayang kulit dan sebagainya.

⁵⁴HAMKA, *op.cit.*, hlm. 416.

⁵⁵Ungku Mohamad Zaman Tahir, *op.cit.*, hlm. 162.

⁵⁶HAMKA, *op.cit.*, hlm. 416.

⁵⁷Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 53.

iii. Adat Resam

Pengaruh Hindu boleh dikatakan paling banyak mempengaruhi masyarakat Islam di sini dari sudut adat istiadat dan upacara, baik raja mahupun rakyat. Sehingga ke hari ini, orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih lagi mengamalkan adat resam Hindu dalam perkahwinan (persandingan), mendirikan tempat tinggal, menyambut bayi dan upacara pengkebumian. Mereka berpendapat amalan-amalan itu adalah sebagai satu adat dan bukannya kepercayaan. Walau bagaimanapun adat-adat tersebut semakin kurang diamalkan hasil dari gerakan dakwah Islam.⁵⁸

Di antara beberapa upacara masyarakat Islam di sini yang diambil daripada pengaruh Hindu ialah:⁵⁹

- Tidak boleh melangkah bendul iaitu si adik perempuan tidak boleh dikahwinkan terlebih dahulu daripada kakak. Jika dilakukan juga pihak lelaki terpaksa membayar atau membawa dua persalinan - satu untuk adik yang hendak dikahwini dan satu lagi untuk kakak.

⁵⁸Abdul Wahab Hj. Kiya, *op.cit.*, hlm. 27.

⁵⁹Nik Safiah Hj. Abdul Karim et.al, *op.cit.*, hlm. 82; Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 52.

- bersiram sebelum melangsungkan perkahwinan.
- bersanding dan bersuap - suapan.
- sewaktu mengandung, melenggang perut untuk ibu.
- upacara kematian - kenduri meniga hari, menujuh hari, empat puluh hari dan seratus hari.

iv. Undang-undang

Pengaruh Hindu telah membawa undang-undang yang baru kepada penduduk awal di sini. Sistem masyarakat dan undang-undang telah berubah dari undang-undang Adat Perpatih kepada Adat Temenggung yang juga dijadikan kekuatan diri raja-raja Melayu-Hindu dan raja-raja Melayu Islam.⁶⁰ Menurut Prof. Ahmad Ibrahim, pada mulanya Adat Temenggung sama dengan Adat Perpatih tetapi telah menerima perubahan yang banyak apabila menerima pengaruh Hindu.⁶¹

Dasar undang-undang Hindu diterima oleh penduduk di sini bulat-bulat dengan sumber yang terbesarnya ialah Dharmasutra (puisi).⁶² Dalam undang-undang Hindu, hukum

⁶⁰Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 52.

⁶¹ Ahmad Ibrahim (1970), *Malaysian Legal History*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya, hlm. 13.

⁶²*Ibid.*, hlm. 14.

terbahagi kepada empat jenis iaitu amaran, cela (murka), denda dan siksa (rotan, potong atau bunuh). Menurut undang-undang Hindu, kaum Brahmin tidak boleh dihukum kerana mereka berada di luar undang-undang. Ini juga dipraktikkan di negeri Melayu di mana terkeluarnya raja-raja dari hukuman.⁶³ Setengah daripada nilai-nilai yang dibawa oleh India dalam sistem feudalisme itu menjadikan rakyat menurut perintah raja kerana raja berkuasa mutlak dan rakyat adalah hamba raja. Sistem ini tidak membenarkan kritikan terhadap sesuatu pemerintahan, walau zalim sekalipun.

Kedatangan agama Hindu lebih banyak mengubah sikap hidup penduduk di sini tetapi tidak mengubah cara hidup keagamaan mereka. Pengaruh India lebih memperkuatkan kedudukan raja dan tidak begitu memberi kesan kepada rakyat yang masih mengamalkan animisme. Kepercayaan Hindu hanya membawa perubahan dan penyesuaian terhadap beberapa konsep tertentu sahaja. Konsep hantu telah menjadi dewa, perubahan konsep semangat kepada nama Tuhan Hindu sedangkan animisme masih tetap utuh. Ia tidak mempunyai kegiatan intelektual yang bersifat falsafah atau pemikiran yang sistematik tentang masalah hidup. Agama Hindu-Buddha tidak pernah membangkitkan

⁶³Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 50.

perkembangan pemikiran yang kritis dan hanya lahir dalam bentuk kesenian sahaja.⁶⁴

Kehidupan penduduk di sini kurang agresif berbanding dengan zaman sebelum kedatangan pengaruh Hindu-Buddha. Kegiatan intelektual mereka dalam falsafah dan metafizik menjadi beku. Tidak ada ahli-ahli fikir Melayu Hindu, berbeza selepas kedatangan Islam yang telah melahirkan ahli-ahli fikir Melayu Islam. Ini mungkin disebabkan perubahan konsep tidak banyak berlaku. Kedatangan Islam telah membawa perubahan konsep yang besar dan merupakan suatu revolusi fikiran yang radikal. Kepercayaan kepada kuasa-kuasa hantu dan dewa sudah tidak diberi tempat lagi.⁶⁵

c. Sekularisme Barat

Pengaruh Barat telah membawa perkembangan baru dalam bidang-bidang kebendaan. Walaupun hubungan Barat seperti Portugis dan Belanda berlaku lebih awal, tetapi kesan yang lebih besar khususnya dari segi sosial, ekonomi, politik dan pelajaran amat terasa selepas Perjanjian

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 57 - 58.

⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 60.

Pangkor pada tahun 1874 dan campurtangan British dalam politik dan pemerintahan tradisional penduduk di sini.⁶⁶

Kedatangan Portugis dan penaklukan Melaka dengan tujuan untuk mengaut hasil negeri ke negara mereka dan sikap memandang rendah kepada orang yang di bawah taklukannya menyebabkan tidak banyak hubungan berlaku yang boleh meninggalkan kesan ke atas masyarakat Islam. Begitu juga dengan Belanda. Mereka tidak berkesempatan meninggalkan pengaruh kerana tempoh pemerintahan mereka ke atas Tanah Melayu terlalu singkat akibat berlaku perubahan corak politik di Eropah.⁶⁷

Walau bagaimanapun orang-orang Inggeris berkesempatan mengembangkan cara hidup masyarakat Islam di sini dengan memperkenalkan cara-cara pemerintahan yang berbeza dari pemerintahan raja-raja Melayu. Sultan hanya diberi kuasa dalam bidang adat istiadat dan agama sahaja sedangkan seorang residen Inggeris telah dilantik untuk mentadbir negeri.⁶⁸

⁶⁶ *Ibid.*, hlm. 81.

⁶⁷ Nik Safiah Hj. Abdul Karim et.al. *op.cit.*, hlm. 110.

⁶⁸ *Ibid.*, hlm. 113 - 114.

Kedatangan Barat terutamanya Inggeris di Malaya bersama sistem ekonomi kapitalisnya serta campurtangan yang luas dalam hal ehwal politik dan pentadbiran Negeri-Negeri Melayu menyebabkan timbulnya suatu konflik nilai yang amat hebat dalam masyarakat.⁶⁹ Walau bagaimanapun, kebudayaan masyarakat di sini tidak banyak menerima sumbangsan Barat. Seorang ahli sejarah Belanda mengatakan bahawa orang Barat bersikap hipokrit apabila mereka mengatakan Baratlah yang membawa tamadun ke daerah ini.⁷⁰ Ini disebabkan mereka telah sedia mempunyai tamadun sendiri sebelum kedatangan pengaruh-pengaruh asing lagi.

Inggeris telah mengasingkan agama (Islam) dan adat daripada politik penduduk tempatan. Pengasingan ini menyebabkan masyarakat Islam menjadikan agama untuk ibadat pokok semata-mata dan bukan sebagai sistem hidup mereka. Orang Islam yang berpendidikan moden pula terpengaruh dengan Barat yang bercirikan materialisme.

Keruntuhan sistem kekeluargaan di mana berlaku penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar juga adalah disebabkan oleh sistem pembangunan Barat. Masyarakat Islam terpengaruh dengan nilai dan pandangan baru yang

⁶⁹Aziz Deraman, *op.cit.*, hlm. 105.

⁷⁰*Ibid.*, hlm. 106.

mencetuskan konflik antara ajaran agama dan tradisional dengan unsur-unsur kebendaan moden yang melemahkan ikatan kekeluargaan.

Ini merupakan sebahagian daripada corak perubahan yang diperolehi dari penjajah Barat. Hakikatnya terlalu banyak perubahan atau transformasi yang dilakukan oleh Barat terhadap masyarakat Islam di sini. Di antara perubahan tersebut ada yang telah merosakkan ajaran Islam seperti perbuatan meminum minuman keras, berdansa di samping ada yang telah menjadi 'freethinker'. Mereka sudah hilang kepercayaan terhadap Allah kerana terlalu mengagungkan sains. Nilai agama dipandang rendah dan tidak sesuai lagi bagi mereka. Sungguhpun kuasa penjajah telah hilang tetapi kesan yang ditinggalkan masih subur lagi dalam kehidupan masyarakat Islam di sini.

C. PERUBAHAN NILAI-NILAI MORAL DALAM MASYARAKAT ISLAM

1. Definisi Nilai Dan Moral

Istilah Nilai didefinisikan dengan berbagai-bagai bentuk mengikut kesesuaian tempat yang digunakan. Dalam kamus Istilah Pendidikan Dan Umum, susunan M.

Sastraprada, 'nilai' diertikan sebagai suatu yang dianggap berharga dan menjadi tujuan yang hendak dicapai.⁷¹ Manakala Carter V. Good (Editor) dalam kamus *Dictionary of Education*, mendefinisikan nilai (value) sebagai "a value as norm or standard of desirability within a culture and interiorized within the individual through interaction with and critical study of environment"⁷²

Konsep nilai secara umumnya adalah sebagai idea yang abstrak dalam sesebuah masyarakat mengenai cara-cara berkelakuan yang sesuai bagi masyarakat itu. Dalam meneliti seluruh sistem nilai dan norma, dua sudut kajian dapat digunakan.⁷³

- a. Meneliti konsep-konsep atau gagasan-gagasan budaya yang bersifat gagasan nilai, iaitu gagasan yang menjadi matlamat pembentukan

⁷¹M. Sastraprada (1978), *Kamus Istilah Pendidikan Dan Umum*. Surabaya: Usaha Nasional, hlm. 339.

⁷²Carter V. Good (Editor) (1973), *Dictionary of Education*. Cet. ke 3, USA: Mc Graw-Hill Book Company, hlm. 636.

⁷³ Zainal Kling (1978), "Sistem Nilai Tradisi Melayu", Kuala Lumpur; Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan. (Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia 27 - 29 Mac 1978), hlm. 15.

peribadi anggota masyarakat dan juga ciri yang mencorakkan perhubungan antara individu; dan

- b. Melihat dinamika nilai yang bercirikan bidang-bidang perhubungan atau institusi tertentu terutama bidang politik, sosial, hubungan antara etnik, ekonomi dan sebagainya.

Premis dari dua sudut ini ialah sistem nilai itu terdiri dari konsep yang meresapi serta menjiwai bentuk hubungan dalam masyarakat.

'Moral' pula diertikan sebagai tingkah laku yang telah ditentukan oleh etika sama ada baik atau jahat. Di dalam *The Encyclopedia Americana*, moral diuraikan sebagai "Normative ethics also called moral philosophy is concerned with presenting and justifying a guide to right conduct"⁷⁴ Prof. Dr. Soegarda Poerbakawatja H.A.H. Harahap dalam buku "Ensiklopedia Pendidikan" mendefinisikan 'moral' kepada empat definisi. Walau bagaimanapun penulis mengemukakan dua definisi sahaja

⁷⁴Richard T. Garner (1986), "Ethics", *The Encyclopedia Americana*, Connecticut: Grolier Incorporated, hlm. 610.

yang dirasakan menepati perbincangan tesis ini iaitu:⁷⁵

- a. Nilai dasar dalam masyarakat untuk memilih antara nilai-nilai hidup. Juga adat istiadat yang menjadi dasar untuk menentukan baik atau buruk; dan
- b. Pada individu; unsur-unsur yang merupakan sifat-sifat kelakuan yang disebut baik atau buruk, iaitu sesuai dengan ukuran-ukuran yang diterima oleh seluruh kelompok di mana individu itu berada.

Konsep moral selalunya menggambarkan satu keadaan yang suci murni, ideal, baik dan indah. Perkara-perkara tersebut lazimnya dirujukkan kepada bentuk perlakuan yang terdapat pada individu yang berlaku secara spontan, digerakkan dari dalam jiwa atau hati sanubari individu tersebut serta berlaku secara berulang-ulang. Konsep moral selalunya dikaitkan dengan tatasusila, kesopanan, budi bahasa dan tataterrib. Dari sinilah moral tadi akan melambangkan sistem nilai, norma dan kepercayaan satu-

75

Soegarda Poerbakawatja H.A.H. Harahap (1982), *Ensiklopedia Pendidikan*, (Edisi ke 2, cet. ke 3), Jakarta: Gunung Agung, hlm. 219.

satu golongan masyarakat dan bangsa. Dalam soal ini, moral bukanlah merupakan perlakuan sosial, tetapi ia adalah suatu yang boleh melambangkan perlakuan sosial.

Ada juga yang mendefinisikan moral sebagai akhlak atau keperibadian. Manusia bermoral adalah orang yang mulia akhlaknya dan tinggi keperibadiannya. Apa yang dimaksudkan dengan mulia ialah dari segi rohani dan jasmani. Untuk mendapatkan penghargaan dari orang lain, setiap orang itu hendaklah mengamalkan sifat-sifat sebagai seorang manusia bermoral.⁷⁶

Pemupukan dan penghayatan nilai-nilai moral akan dapat mengembang daya pemikiran, emosi dan penggunaan pancaindera ke arah pencapaian akhlak yang tinggi dan mulia yang merupakan teras peribadi seseorang. Individu yang mempunyai pendirian yang teguh akan lebih tegas dalam membuat ukuran nilai dan menghadapi masalah moral. Dengan ini akan lahirlah individu yang dapat memainkan peranan sosial yang aktif secara berkesan, sistematik dan bertanggungjawab dalam menganalisis perlakuan dan masalah sebenar yang dihadapinya.⁷⁷

⁷⁶Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee (1990), *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., hlm. 7.

⁷⁷*Ibid.*

Menurut Dr. Mahathir Mohamad dalam bukunya "The Malay Dilemma", tatasusila dan sistem nilaialah menentukan kemajuan dan pembangunan sesuatu bangsa menurut baka dan keturunan di bawah satu-satu keadaan. Tatasusila (moral) dan sistem nilai sangat berhubung rapat.⁷⁸ Manifestasi yang paling jelas tentang bentuk nilai masyarakat kelihatan pada corak pendidikan atau pemasyarakatan anak-anak menuju kedewasaan.

Terdapat empat kompleks dasar dalam sistem nilai iaitu;⁷⁹

- a. kompleks selamat
 - b. kompleks budi
 - c. kompleks malu
 - d. kompleks iri
-
- a. Kompleks Selamat - Penyesuaian Terhadap Alam Kehidupan

Aspek selamat dalam sistem nilai tradisi ini adalah bermaksud adanya suatu penekanan terhadap pencapaian ke arah matlamat hidup aman, tenteram tanpa kacau bilau atau

⁷⁸ Ahmad Boestamam (1981), *Sorotan Sekilas The Malay Dilemma*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 46.

⁷⁹ Zainal Kling, *op.cit.*, hlm. 18.

takut kepada ancaman alam yang di luar kuasa kawalan manusia. Menghadapi begitu banyak ancaman hidup telah mendorong mereka mengharapkan keselamatan.

Penekanan terhadap hidup yang selamat tidak membenarkan terlalu banyak perubahan radikal atau eksperimen yang terlalu luar biasa. Hidup diatur oleh adat-resam, ajaran dan amal yang telah ternyata benarnya dan bukan yang belum tentu hujung pangkalnya. Dengan ini proses perlanjutan tradisi lebih mudah berlaku dan perubahan berjalan dengan cara yang teratur tanpa tergesa-gesa atau cemas.

b. Kompleks Budi - Idealisme Peribadi Yang Paling Tinggi

Apabila seseorang menerima atau memberi bantuan kepada orang lain, maka suasana budi akan timbul. Setiap interaksi ini bersifat *reciprocal* - berbalas-balas dan saling bertimbang-balik. Budi merupakan ciri peribadi yang paling halus, tinggi dan mulia.

Secara praktis pula, amalan dari nilai ini boleh bersifat positif di mana seseorang itu merasa bertanggungjawab memberi bantuan kepada orang lain dan boleh bersifat negatif di mana seseorang itu menggunakan

hubungan itu sebagai saluran kepentingan sosio-politik atau ekonomi untuk mengikat orang lain agar sentiasa terhutang budi.

Implikasi utama daripada nilai peribadi budi ialah perasaan timbangrasa, menjaga hati orang lain dan menghormati orang lain. Matlamat terakhir konsep ini ialah melahirkan hubungan baik dan kerjasama dengan orang lain.

c. Kompleks Malu - Kawalan Kelakuan Dan Moraliti

Kompleks malu bukan sahaja mendasari budaya dan tradisi masyarakat di sini tetapi juga menjadi asas didikan anak-anak. Nilai malu lebih banyak merupakan kawalan maruah dan kongkongan terhadap kelakuan. Namun nilai ini juga dapat menjadi pendorong untuk melakukan sesuatu yang amat radikal dan menimbulkan persaingan.

Kompleks malu juga berfungsi sebagai dorongan ketenteraman. Dengan demikian kelakuan manusia lebih terkawal dan tindakannya lebih mempertimbangkan kesan-kesan buruk ke atas diri sendiri atau orang lain.

Nilai malu turut ditekankan kepada wanita sebagai sebahagian daripada proses kawalan sosial dan juga peribadi. Kesucian akhlak dan maruah wanita mempunyai kaitan langsung dengan maruah seluruh keluarga, rumah tangga dan masyarakat.

d. Kompleks Iri - Persaingan Positif Dan Negatif

Nilai ini mempunyai dimensi positif dan negatif. Walaupun dimensi negatif seperti dengki, khianat lebih diketengahkan, namun asas dari kompleks nilai ini ialah persaingan dalam konteks yang amat sukar. Dibandingkan dengan malu, nilai ini dapat menjadi dorongan positif untuk bertindak melebihi orang lain tanpa membawa persaingan kejam.

2. Ciri-ciri Manusia Yang Bermoral

Kemoralan bukan hanya sekadar peraturan-peraturan masyarakat sahaja tetapi ia juga turut melibatkan kecenderungan atau ciri perangai dan watak. Cara dan gaya individu mengikuti peraturan-peraturan masyarakatnya adalah suatu pertimbangan yang penting kerana ia menentukan setakat mana tindakan-tindakan individu itu boleh dipuji dan dijustifikasi dari segi moral.

Peraturan sahaja tidak mencukupi untuk menerangkan bagaimana seseorang itu patut bertindak. Oleh itu, untuk mengelak pengakuran dan kepatuhan membabi-buta, konsep moral yang dicadangkan di sini mestilah turut melibatkan pemupukan sifat, sikap dan ciri watak yang cemerlang dari segi moral dan telah dikenalpasti sebagai sifat-sifat murni oleh masyarakat yang bertamadun dan berperikemanusiaan.⁸⁰

Secara kasar, sifat-sifat manusia bermoral boleh digolongkan kepada tiga kategori iaitu:⁸¹

- a. mempunyai pertimbangan terhadap perasaan, keperluan dan kepentingan orang lain sama seperti untuk dirinya sendiri.
- b. mempunyai kebolehan membuat keputusan sendiri yang rasional, universal dan preskriptif,.
- c. mempunyai kebolehan bertindak secara terkawal dan tidak keterlaluan.

⁸⁰Abdul Rahman Md. Aroff (1986), *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 18-19.

⁸¹Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee, op.cit, hlm. 23.

Manusia yang bermoral mestilah sentiasa menjaga kebersihan fizikal dan mental. Kebersihan diri merupakan syarat penting untuk menyediakan diri bagi menerima segenap unsur yang boleh membawa kepada kesejahteraan diri dan orang lain.

Sikap baik hati adalah sesuatu yang murni dan dimuliakan. Seseorang yang bermoral seharusnya bersikap baik hati. Kebaikan hati seseorang dapat dilihat dari tindak-tanduknya seperti mengambil kira perasaan dan kebijakan orang lain. Dia juga tidak lupa menunjukkan sifat murah hati, bertimbangrasa, sedia memaafkan dan saling faham memahami serta peka terhadap keperluan orang lain. Seseorang yang bermoral juga harus bersikap bertanggungjawab dan berkerjasama dalam menjalankan sesuatu tugas bagi menjamin hasil kerja yang baik.

Antara ciri yang tidak kurang pentingnya bagi seseorang manusia bermoral ialah sentiasa bersikap berterima kasih atas jasa, sumbangan dan juga pemberian yang diterima. Dia seharusnya mengingati jasa ibubapa. Dengan adanya pengakuran ini, dia seharusnya menyanjungi dan melayani ibubapa dengan sebaik mungkin. Seseorang manusia bermoral juga harus berani menghadapi cabaran, mempunyai keyakinan dan berhati tabah. Sikap keyakinan

diri ini membolehkan seseorang itu membuat keputusan tanpa dipengaruhi oleh pendapat orang lain.

Manusia bermoral mestilah mengamalkan sikap rasional dalam setiap pemikirannya, perlakuan dan tindakan dalam pelbagai situasi. Dia mampu membuat pertimbangan sebelum mengambil sesuatu keputusan dan berupaya berfikir dengan logik.

Seseorang manusia bermoral juga sentiasa mengamalkan sifat tidak angkuh. Dia sentiasa menunjukkan pergaulan yang mesra dan tidak memenculkan diri serta budi bicara yang menonjolkan ketinggian budi pekerti. Tutur kata dan tingkah laku manusia bermoral pula mengikut norma dan nilai masyarakat. Adalah menjadi amalan manusia bermoral untuk bersikap jujur, bercakap benar, ikhlas dan amanah dalam kehidupan seharian. Dia berusaha dengan semangat tanpa putus asa.

Ringkasnya, individu yang dikatakan bermoral merupakan seorang yang bertanggungjawab dan memahami keperluan peraturan-peraturan tertentu dalam masyarakat. Walau bagaimanapun individu ini tidak pula mengikuti peraturan-peraturan itu tanpa berfikir atau dengan cara tidak kritikal. Individu yang matang dari segi moral ialah individu yang berautonomous, adil dan altruistik

dalam pentaakulan, perasaan dan tingkah lakunya.

4. Penyerapan Nilai Islam Dalam Kehidupan

Alam kehidupan masyarakat Islam di sini kalau dilihat dari sudut sejarah, kebudayaan dan kesusasteraananya penuh dengan simbol-simbol keislaman. Ia dipercayai telah menggantikan simbol-simbol lama yang terdapat pada zaman pra Islam di rantau ini. Simbol-simbol tersebut secara langsung membayangkan nilai-nilai yang dianuti oleh orang-orang Islam. Perkembangan nilai-nilai keislaman selama ini adalah hasil daripada sistem pemerintahan yang diamalkan.

Dari segi tradisi, adalah sukar untuk memisahkan semua pengalaman kepercayaan dan keagamaan di sepanjang sejarah orang Islam di sini. Sungguhpun masyarakat Islam pada asalnya animist di mana pemujaan semangat padi menjadi intipati sistem kepercayaan dan kemudian menerima kesan perkembangan agama Hindu-Buddha di Alam Melayu, tetapi pada peringkat terakhir mereka menghayati akidah Islam pula.⁸²

Sebelum kedatangan Islam, penduduk tempatan telah

82 Zainal Kling, op.cit., hlm. 14.

sedia mempunyai adat resam yang lengkap dan kukuh dalam menggariskan tatalaku dan bentuk upacara atau istiadat. Ia ternyata dipengaruhi oleh agama-agama mereka yang terdahulu. Tetapi perkenalan dan perhubungan mereka dengan orang Arab (Islam) lebih besar kesannya kepada sistem nilai masyarakat di sini berbanding dengan perkenalan dan perhubungan dengan orang bukan Islam.⁸³

Setelah kira-kira enam kurun akidah Islam dihayati maka sudah tentu ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk hubungan dan intisari nilai, sikap serta pandangan. Walau bagaimanapun ciri-ciri pra Islam terus wujud selama mana ciri-ciri itu telah dirasionalisasikan atau disesuaikan dengan kepercayaan Islam.

Nilai-nilai dan norma yang menjadi asas penentuan segala tindakan diletakkan di atas penilaian Islam yang mempunyai lima tingkat atau darjah ukuran: tingkat tertinggi: wajib, diikuti oleh sunat, harus, makruh dan terendah: haram. Inilah tingkat-tingkat norma yang khusus dalam sistem penilaian kelakuan, tanggungjawab serta perbuatan anggota masyarakat. Dalam rangka inilah nilai dan norma masyarakat tradisi dibentuk sehingga

⁸³Ahmad Boestaman, *op.cit.*, hlm. 47.

setengah perbuatan dianggap sebagai kewajipan atau berpahala dan setengahnya pula sebagai haram atau berdosa.⁸⁴

Nilai-nilai moral dalam Islam adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah mengikut peredaran masa, tempat dan manusia. Ia bertujuan untuk membina kesucian batin dan aktiviti-aktiviti lahir manusia. Untuk itu, 'standard moral' dalam kehidupan masyarakat mestilah dikawal agar hubungan antara masyarakat sentiasa stabil dan harmoni.⁸⁵ Islam bukan sahaja memberikan nilai-nilai baru yang berasaskan akidah dan tauhid malah dalam sejarahnya telah memperkuatkan nilai-nilai serta institusi sosial positif budaya masyarakat tempatan seperti gotong-royong, sikap bertanggungjawab, berani, pengorbanan, cintakan tanah air dan sebagainya.

Kebudayaan Islam telah mengambil falsafah pembangunannya berdasarkan keEsaan Allah atau tauhid, ketuhanan atau rububiyyah, manusia sebagai khalifah dan mengamalkan nilai-nilai kesucian, kebersihan dan

⁸⁴ Zainal Kling, *op.cit.*, hlm. 15.

⁸⁵ Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 23.

kemurnian atau *tazkiyyah*. Nilai etik agama falsafah atau nilai budaya barat hanyalah sekadar menggambarkan nilai buruk dan baik sahaja, berlainan dengan nilai-nilai Islam yang luas, liberal dan *accomodative* itu.⁸⁶

Kebudayaan Islam berdasarkan atas nilai-nilai yang beradab dan bersifat kemajuan. Keburukan-keburukan yang terjadi adalah penyelewengan semata-mata yang berlaku terhadap semua masyarakat di dunia. Sebagai contoh, jika seorang Islam malas, ini tidak bererti kebudayaan Islam mengutamakan unsur malas. Yang jelas ialah kebudayaan Islam menganjurkan unsur rajin.

Tegasnya, Islam telah berjaya membentuk individu yang mempunyai komitmen terhadap keislamannya. Setelah penduduk tempatan menjalani proses pengislaman, suatu proses transformasi manusawi yang memberikan jiwa dan citra baru kepada umat telah berlaku. Ia merupakan sebuah revolusi intelektual yang mengakhiri zaman budaya tahanul dan memulakan tamadun ilmu di rantau ini. Umat Islam yang dijelmakan menerusi Islamisasi itu adalah individu yang berjiwa merdeka yang sujud, ruku' dan

⁸⁶ Aziz Deraman (1987), "Kebudayaan Islam Malaysia", Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Kebudayaan Islam Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan UMNO Malaysia, hlm. 77.

setia mutlaknya hanya kepada Allah, individu yang tahu erti hidup dan mati sebagai persaingan prestasi amal cemerlang, individu yang dengan semangat mujahadahnya, memperolehi kekuatan rohani untuk menghayati kemakrufan dan menghindari kemungkaran. Walau bagaimanapun, keutuhan watak Muslim tersebut sering terdedah kepada hakisan pelbagai pengaruh budaya dan perkembangan sejarah. Oleh itu harus ada usaha menggilap semula ciri-ciri keperibadian yang mulai luntur dari semasa ke semasa.

Orang Islam hendaklah menyedari hakikat sejarah yang jelas menunjukkan bahawa sebelum mereka dijajah dan dikongkong oleh British, mereka telah pun diorientasikan oleh pendidikan Islam iaitu melalui pendidikan pondok atau kitab. Sebagai kesan dari pendidikan itulah mereka dikenali sebagai bangsa yang berilmu, bersopan, beradab, mengenal buruk baik, halal haram, kotor dan suci serta najis dan bersih. Dalam masyarakat tersebut telah tersebar luas perasaan ukhuwwah, hidup berjiran dan hormat menghormati antara satu sama lain. Masalah sosial juga tidak begitu ketara di dalam kehidupan mereka.

Selepas penjajahan British, nilai-nilai keislaman yang telah ditanam menjadi semakin pupus. Hidup cara berjiran dan berkelompok menjadi semakin hilang.

Perhubungan mereka dalam kehidupan sehari-hari menjadi semakin renggang: Orang muda tidak lagi menghormati orang tua manakala ulama pula dituduh membawa ajaran yang memecah belahkan masyarakat.

4. Perubahan Yang Berlaku Terhadap Nilai-Nilai Moral

Malaysia pada umumnya dan orang Islam khususnya sedang mengalami saat genting dalam sejarah pertumbuhannya. Masyarakat Islam yang dulunya memegang kuat nilai-nilai keislaman dan tradisional mula bergerak dengan pesat ke arah modenisasi. Mereka tidak dapat lagi mempertahankan adat tradisi yang sebenarnya di kalangan generasi muda. Perubahan budaya dan nilai masyarakat Islam pada umumnya adalah mengikut model budaya dan nilai Barat yang dibentuk oleh penjajah ketika negara ini dijajah. Pengaruh Barat ini kemudiannya diimport melalui pendidikan, media dan sebagainya pada zaman moden ini.

Sejak Rancangan Jangka Panjang Kedua atau Dasar Pembangunan Nasional dilancarkan pada 17 Jun 1991, di mana budaya penyayang dijadikan salah satu strategi utama, media dan masyarakat menjadi semakin prihatin terhadap gejala sosial yang negatif. Bangsa Melayu Islam merupakan kumpulan yang paling banyak terlibat

dalam kes rogol, penghidap AIDS dan pembawa virus HIV. Contohnya, daripada 6,588 orang pembawa kuman HIV yang dikesan, sebanyak 69.28 % (4564 kes) terdiri daripada orang Melayu Islam.⁸⁷

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan khususnya, konflik nilai telah menjadi satu fenomena yang nyata di semua peringkat anggota masyarakat Muslim. Antara faktor penting yang melahirkan konflik tersebut ialah akibat perubahan struktur sosial yang sentiasa seiringan dengan pembangunan dalam setiap bidang. Pada hakikatnya setiap masyarakat memerlukan perubahan budaya dan nilai sosial, tetapi ia tidak seharusnya mengorbankan nilai-nilai murni kehidupan yang berasaskan budaya ketimuran dan ajaran Islam.

Pengaruh budaya barat telah menukar dasar hidup kerohanian umat Islam dengan dasar hidup kebendaan barat. Sikap hidup secara tradisional yang menghargai kekayaan rohani dan menilai akhlak dan budi pekerti sedikit demi sedikit digantikan dengan sikap yang menghargai kekayaan harta benda. Perubahan ini terutamanya

⁸⁷ Mohamad Haji Ikhsan (Oktober 1994), "Kemelut Remaja Apakah Jalan Penyelesaiannya?". Dewan Masyarakat, hlm. 9.

disebabkan oleh bertukarnya asas ekonomi saraan hidup (*substance economy*) kepada asas ekonomi kewangan (*money economy*) dan ekonomi perusahaan barat (*commercial economy*).

Dengan adanya pengaruh hidup kebaratan, keperluan hidup semakin bertambah. Ini menyebabkan sistem hidup secara saraan kurang sesuai lagi. Sebaliknya wang mustahak dicari untuk membeli segala keperluan dan kesenangan hidup kebaratan. Pertembungan ekonomi ini menyebabkan timbulnya nilai hidup keakuan yang asing daripada nilai susila masyarakat Islam yang berasaskan KAMI dan KITA.

Sebenarnya kebudayaan yang liar yang tidak dirancangkan, tidak dikaji dan dipertimbangkan sangat berbahaya kepada perkembangan peribadi dan kebajikan hidup manusia; terutama apabila dipandang dari segi pendidikan. Jika sesuatu kebudayaan luar dibiarkan berkembang, akan hilanglah pusaka bangsa yang bernilai tinggi. Sebaliknya jika ditahan perkembangannya, akan hilang pula kemampuannya memenuhi tuntutan-tuntutan hidup kita yang semakin banyak dan kusut.

Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar telah menimbulkan masalah-masalah sosial. Khusus bagi bandar Kuala Lumpur, adalah dianggarkan penduduknya akan meningkat kepada 2.5 juta dalam tahun 2000. Perubahan tentang angka jumlah penduduk menampakkan kepada kita masalah nilai Islam yang akan dihadapi oleh masyarakat Melayu Muslim.⁸⁸ Apabila modenisasi mempengaruhi fikiran mereka, maka sedikit demi sedikit nilai-nilai yang menjadi pegangan dan teras keutuhan bangsa terhakis sama ada disedari atau tidak disedari, dirancang atau tidak dirancang.

Pengaruh hidup bandar dan pengaruh kebendaan menyebabkan nilai hidup berjiran menjadi pudar. Keadaan ini disokong pula oleh nilai hidup berjiran yang dibawa dari luar melalui media sebaran. Akibatnya jelas kelihatan dalam kehidupan masyarakat Islam di sini di mana ramai orang tidak mengenali jiran mereka dan tidak tahu apa yang berlaku pada jiran. Keruntuhan nilai hidup

88 Yusof Noor (1980), "Nilai-nilai Islam Dalam Pembangunan Negara dan Kebudayaan", Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaaan Belia Dan Sukan. (Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat Malaysia 10 - 11 Mac 1980), hlm. 16.

berjiran ini telah memberi peluang kepada kerosakan dan keruntuhan akhlak.⁸⁹

Kebanyakan individu sanggup melakukan apa sahaja tanpa segan silu kepada jiran seperti bersekedudukan, kebebasan anak-anak melampaui batas dan sebagainya. Sikap tidak mengendahkan jiran ini telah menimbulkan penyakit jiwa kepada masyarakat Islam. Misalnya ramai orang merasa sunyi dalam kesibukan hidup di kota dan kawasan-kawasan perumahan. Nilai ini seharusnya dibendung daripada merebak ke dalam masyarakat dengan lebih meluas lagi.⁹⁰

Menghormati dan memuliakan orang lain adalah sifat yang digalakkan oleh Islam, walaupun terhadap orang yang belum pernah dikenali. Begitu juga dengan sikap baik sangka terhadap orang lain, juga merupakan suatu nilai yang dipegang oleh orang Islam. Ini memudahkan perhubungan mesra di dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, sikap ini semakin terhakis di dalam kehidupan seharian masyarakat Islam dewasa ini.

⁸⁹Abdul Hamid Othman (1980), "Nilai-Nilai Utama Orang Melayu", Port Dickson: Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan. (Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Nilai-Nilai Bersama 29 Nov. - 1 Dis. 1980) hlm. 14.

⁹⁰Ibid.

Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mementingkan kekeluargaan. Segala apa yang hendak dilakukan mestilah dibawa bermesyuarat terlebih dahulu dengan ibubapa, datuk nenek dan saudara mara. Pada hari ini keadaan telah berubah. Anak-anak bebas membuat keputusan sendiri tanpa dikongkong oleh ibubapa atau orang lain. Begitu juga dengan konsep ziarah. Kalau pada zaman dahulu, masyarakat Islam mementingkan suasana hidup berkumpul, ziarah-menziarahi sewaktu lapang, kini masa lapang dihabiskan di panggung-panggung wayang, di hadapan televisyen, di majlis-majlis jamuan atau parti dan sebagainya.

Penglibatan orang Islam terutama golongan wanita dalam dunia hiburan seperti muzik, bangsawan dan tarian amat dipandang rendah pada masa lalu. Komen dan teguran tentang penglibatan orang Islam dalam kegiatan maksiat seperti itu selalu terdapat dalam penerbitan berkala tempatan.⁹¹ Kegiatan ini menjelaskan kedudukan moral dan akhlak mereka yang terlibat. Namun demikian, unsur-unsur hiburan ini semakin berkembang sekarang dan disanjung tinggi oleh generasi muda.

⁹¹Wan Abdul Kadir Yusoff (1992), "Urbanisasi Dan Modernisasi Budaya Melayu", Titian (Siri Kertas kerja Akademi Pengajian Melayu), Bil. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 40.

Masyarakat umum dapat menyaksikan pertumbuhan pesat sejenis budaya dan gaya hidup *synthetic* (tiruan) dalam pelbagai bidang seperti muzik, filem, fesyen dan lain-lain. Kecenderungan untuk memakai label-label dan jenama-jenama keinggerisan begitu kuat sekali. Ini dapat disaksikan daripada nama-nama kumpulan muzik rock, nama-nama glamour para artis, nama-nama bangunan dan sebagainya. Malah wajah-wajah yang mirip wajah orang barat (Pan-Asian) juga semakin diminati ramai. Nampaknya ukuran kecantikan juga sudah dipinjam dari ukuran Barat. Sementara itu iklan-iklan yang dipaparkan dalam pelbagai media banyak meransang ke arah kehidupan berfoya-foya dan bermewah-mewah yang sangat asing dari pola gaya hidup tradisi masyarakat Islam.⁹²

Dalam konteks umat Islam, sikap tidak menghargai diri dimanifestasikan oleh kewujudan golongan manusia *synthetic* atau manusia tiruan iaitu orang Islam yang berbudaya dan bercitarasa Barat. Mereka mengagumi segala yang bersifat barat dan sebaliknya memandang rendah segala yang bersifat Islam. Merekalah golongan yang digelar sebagai "*indigenous aliens*" atau golongan pribumi yang nampak seperti orang asing. Mereka berlagak sebagai

⁹² Siddiq Fadil (1992), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institusi Kajian Dasar (IKD), hlm. 43.

elit terpelajar dan berstatus tinggi, tetapi sebenarnya adalah penderita penyakit rendah diri atau *inferiority complex* yang sangat kronik.⁹³

Gejala-gejala yang merbahaya ini merebak dengan luas dan semakin menjadi-jadi. Biarpun kuasa penjajah telah lenyap, tetapi kesan yang ditinggalkan masih subur. Orang Islam pula menghadapi krisis identiti dalam usaha menerima kemodenan dan mempertahankan agama dan tradisi. Pada satu pihak mereka berusaha meningkatkan pembangunan dan kemajuan. Dalam perubahan yang dilalui itu, selalunya mereka akan menolak atau mengenepekan agama dan tradisi. Pada sebelah pihak pula, orang Islam perlu menonjolkan identiti sebagai simbol keislaman.⁹⁴ Namun demikian pengaruh kemodenan pada umumnya amat kuat membawa perubahan kepada budaya hidup mereka. Ini merupakan satu cabaran besar yang dihadapi oleh orang Islam iaitu sejauhmana mereka dapat mempertahankan agama dan tradisi bagi menyatakan identiti.

Kesimpulannya, masyarakat Islam tidak seharusnya mencapai kemewahan kebendaan sahaja tetapi juga perlu memiliki nilai-nilai sejagat seperti berdisiplin,

⁹³ *Ibid*, hlm. 147.

⁹⁴ Wan Abdul Kadir Yusoff (1992), *op.cit.*, hlm. 5.

berdedikasi, tekun, jujur, berwibawa, penyayang, taat beragama, bermoral dan mempunyai etika yang teguh. Sifat setiaawan, kejiranan dan kemesraan yang merupakan ciri-ciri masyarakat Islam perlu diperkuatkan lagi dan dijadikan sebagai cara hidup yang kekal. Di samping itu sikap toleransi memainkan peranan penting bagi mewujudkan keharmonian sosial di dalam masyarakat yang berbilang kaum.

D. Faktor-Faktor Yang Mendorong Perubahan

1. Faktor Dalaman

a. Ilmu Dan Kemajuan

Pendidikan adalah proses dan aktiviti yang membawa perubahan kepada seseorang individu mengikut norma dan nilai sesuatu masyarakat.⁹⁵ Proses pendidikan bertujuan membolehkan seseorang berkembang sebagai individu yang dapat menyesuaikan diri dan berfungsi secara berkesan di dalam masyarakatnya.

Sungguhpun begitu, dasar pelajaran kebangsaan di negara ini lebih menitikberatkan ilmu duniawi dan

⁹⁵Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee, *op.cit*, hlm. 164.

menyelitkan pengetahuan agama hanya untuk lulus peperiksaan sahaja. Oleh itu selepas 40 tahun negara ini merdeka, kesan dari pendidikan agama terhadap anak-anak Islam di sekolah masih kurang memuaskan.⁹⁶ Ini disebabkan aliran liberalisme dan sekularisme yang mendasari pendidikan tidak mampu mensepadukan ilmu, budi pekerti, jiwa yang luhur dan amal yang mulia dalam diri manusia. Manakala cendikiawan yang bersifat sekular dan liberal pula beranggapan bahawa persoalan ilmu pengetahuan dan perkembangannya serta kemajuan dan ketinggian intelektual sebagai tidak ada hubungkaitnya dengan pembentukan peribadi dan spiritual manusia. Ini kerana ada yang beranggapan persoalan nilai dan moral merupakan satu persoalan yang relatif dan subjektif sekali sifatnya.⁹⁷

Proses modenisasi yang berlaku pula telah memberikan ruang terhadap kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta industrialisasi. Hasil yang telah dicapai oleh

⁹⁶Mustafa Suhaimi, "Melindungi Remaja Daripada Bahaya Keruntuhan Moral", *Utusan Melayu*, 1 Dis. 1995, hlm. 3.

⁹⁷Faisal Hj. Othman (1991), "Pendidikan Islam: Konsep Dan Realiti", *Islam: Cabaran Dan Isu Semasa*. Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 77.

kemajuan ilmu pengetahuan, teknologi dan industrialisasi telah dimanfaatkan dan dinikmati secara meluas oleh manusia di dunia. Walau bagaimanapun pada hakikatnya modernisasi telah membawa perubahan sosial dan transformasi masyarakat.⁹⁸

Cabarannya yang dihadapi dalam pembangunan insan adalah lebih serius dan sukar daripada cabaran dalam membangunkan ekonomi dan kebendaan. Rasionalnya, pembangunan ekonomi yang mantap dan tinggi tanpa pembangunan manusia yang berperadaban akan hanya melahirkan negara maju yang kucar-kacir, rasuah dan dipenuhi jenayah serta keruntuhan moral. Ini membawa kepada berbagai-bagai penyakit fizikal, mental dan kejiwaan.

Tindakan Kementerian Pendidikan menghantar pelajar-pelajar yang masih muda dan belum matang ke Eropah dan Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran, sedikit sebanyak memberi saham kepada perubahan moral masyarakat. Tanpa memikirkan kematangan intelek dan kerohanian, perkembangan moral atau akhlak pelajar-pelajar, ia

98 H.A. Mukti Ali et.al., op.cit., hlm. 156.

merupakan satu cara yang agak berbahaya.⁹⁹ Dari segi inteleknya, golongan muda perlu diberi pendidikan keduniaan yang secukupnya agar menjadi individu yang berilmu dan dapat menyumbang kepada negara. Untuk maju, kedua-dua ilmu dunia dan akhirat perlu ditekankan supaya dalam mengamalkan ilmu dunia, ada asas agama sebagai pedoman diri individu. Penekanan ilmu akhirat semata-mata tanpa mengiktirafkan ilmu dunia pula akan menyukarkan proses pembangunan negara.

Hakikatnya kemajuan yang dicapai tidak bererti jika masyarakat tidak tahu menghargainya. Kehadiran individu berilmu yang rosak akhlak di dalam masyarakat hanyalah membantu untuk meruntuhkan pembangunan dan kemajuan melalui tindakan dan aktiviti tidak bermoral. Dengan itu masyarakat Malaysia perlu menggembungkan tenaga dan kekuatan untuk menemukan resolusi baru yang lebih efektif untuk membentuk umat bertakwa yang berkualiti, produktif dan inovatif lebih-lebih lagi dalam era pendidikan moden.

⁹⁹S.S. Husain dan S.A. Ashraf (1989), *Krisis Dalam Pendidikan Islam*. Maso'od Abdul Rashid (pentj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 22.

b. Agama

Malaysia sebuah negara demokrasi yang rakyatnya terdiri dari penganut berbagai agama. Walau bagaimanapun dalam mengejar pembangunan ekonomi yang berteraskan materialisme, nilai kerohanian yang bersumber dari ajaran agama kurang diberi perhatian. Agama didapati mempunyai hubungan dengan perlakuan moral. Agama adalah penting untuk mencapai perlakuan moral yang baik. Agama menjadi faktor motivatif mendorong pemeliharaan dan pembentengan moral.¹⁰⁰ Apabila pegangan agama seseorang itu rapuh, maka akan rosaklah moralnya.

Dewasa ini, masyarakat Islam kurang mengambil berat soal-soal agama terutama dari segi pendidikan. Pengetahuan agama yang cetek menyebabkan mereka senang dibawa arus pemodenan yang ada di antaranya jauh terpesong dari ajaran Islam. Kebanyakan individu yang rosak akhlak adalah lahir dari keluarga yang tidak mementingkan agama. Kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman baru-baru ini bahawa majoriti masyarakat Islam berumur 35 tahun hingga

¹⁰⁰H.M. Yunan Nasution (1988), *Islam Dan Problema-Problema Kemasyarakatan*. Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 287.

45 tahun buta al-Quran merupakan hakikat yang amat membimbangkan mengenai perancangan masa depan umat di negara ini. Mereka menjadi mangsa kepada akta pendidikan 1961 yang terlalu menekankan pencapaian sains dan matematik sehingga mengkesampingkan pendidikan agama dan pembentukan kerohanian.¹⁰¹

Meskipun pengajaran agama dan moral di sekolah telah dipertingkatkan, kesannya masih belum nyata. Buktinya, pelajar-pelajar Islam yang menerima pelajaran agama dan lulus dengan baik di dalam peperiksaan, belum terjamin menjadi orang yang baik dari segi moral dan tingkah lakunya. Apa yang dipelajarinya tidak dapat dihayati dan dijadikan cara hidup atau budaya serta nilainya. Ini kerana ibubapa mereka sendiri kurang menitik beratkan pendidikan agama. Ketidakprihatinan ibubapa terhadap pendidikan agama apatah lagi melaksanakannya sebagai satu cara hidup, bukanlah perkara baru yang menyelubungi masyarakat Islam. Masih ramai ibubapa yang terlalu menitikberatkan pendidikan akademik sehingga mengabaikan pendidikan agama.¹⁰² Ada juga di kalangan masyarakat yang merasakan bahawa masalah keruntuhan moral akhir-

¹⁰¹Wahiri Mahmud, "Massa, Remaja Dan Moral", *Utusan Melayu*. 7 Disember 1995, hlm. 4.

¹⁰²Faizah Razali dan Zulzila Dzulkefli, Rencana Tumpuan: *Ummi*, Oktober 1995, hlm. 24.

akhir ini belum sampai ke tahap kritikal. Pada pendapat mereka kes-kes pembuangan bayi, penyalahgunaan dadah, masalah gadis bohsia atau pelacuran masih terkawal. Tetapi satu realiti yang harus diakui ialah kes pembuangan bayi dan sebagainya tidak begitu ketara satu ketika dahulu berbanding sekarang. Menurut laporan terbaru, hingga September 1995, lebih 5000 orang gadis mlarikan diri dari rumah dan lebih 900 orang terlibat dalam kegiatan penagihan dadah.¹⁰³ Sikap ketidakprihatinan masyarakat dan ibubapa menyebabkan jumlah ini semakin meningkat.

Dari segi kerohanian masyarakat Islam wajib diajar dengan ilmu akhirat agar mereka dapat menjadi seorang Muslim yang sempurna. Di samping itu, aspek moral dalam agama juga harus ditekankan seperti saling hormat menghormati agar mereka tidak melihat agama dari aspek ibadat semata-mata. Dengan mempunyai asas keagamaan yang kuat, nescaya masyarakat yang bermoral dan beretika akan dapat direalisasikan.

Sarjana-sarjana bukan Islam pun mengakui betapa pentingnya agama menjadi landasan moral seperti diucapkan oleh Prof. John Oman yang mengatakan:

¹⁰³ Mustafa Suhaimi, *op.cit.*, hlm. 3.

*"Religion without morality lacks a solid earth to walk on. Morality without religion lacks a wide heaven to breath in"*¹⁰⁴

Pada masa kini, gerakan anti Islam semakin ditingkatkan oleh berbagai-bagai pihak sehingga ke tahap yang sangat membimbangkan. Penyirnaan Islam dilakukan dari berbagai-bagai sudut dan menggunakan berbagai-bagai sarana. Antaranya ialah dengan menjauhkan Islam daripada umatnya. Mereka menarik pelajar-pelajar sekolah menengah dan universiti memasuki kelab-kelab tertentu yang eksklusif dan menarik. Pada mulanya perkara yang ditonjol adalah untuk berhibur khusus bagi anak-anak muda sahaja, belajar Bahasa Inggeris, berkelah, berdisko, bersukan dan lain-lain. Namun semasa berbincang atau berbual-bual, dikemukakan pertanyaan-pertanyaan yang kontroversi mengenai Islam, seperti masalah purdah, perpecahan umat, kafir mengkafir, merejam batu bagi penzina dan lain-lain. Kemudian secara sepantas lalu diberi komentar tentang keburukan perkara-perkara itu dari kacamata ilmiah.¹⁰⁵ Sekiranya pengetahuan agama belia Islam ini tidak kukuh, mereka sudah tentu menerima

¹⁰⁴ *Ibid*, hlm. 121.

¹⁰⁵

Amat Juhari Moain (1991),
 "Gerakan Penyirnaan Islam (De Islamisasi) Di Kalangan
 Umat Islam", Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar
 (ed.), op.cit, hlm. 26.

logik akal ini dan menolak ajaran Islam yang sebenar.

c. Institusi Kekeluargaan.

Selain faktor kurang fahaman atau didikan agama, institusi kekeluargaan juga boleh menjadi faktor keruntuhan moral. Melalui keluarga, seseorang itu belajar menggunakan bahasa dan mempelajari norma dan nilai masyarakat.¹⁰⁶

Keluarga, rumah tangga dan kekerabatan adalah ciri-ciri penting dalam organisasi sosial masyarakat. Proses penanaman nilai dalam konteks keluarga adalah merupakan matlamat pendidikan. Setiap ibubapa akan dipandang bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak. Kegagalan didikan ibubapa akan kelihatan pada corak peribadi dan kelakuan anak-anak.

Dewasa ini kurangnya pengawasan keluarga menyebabkan anak-anak bebas bergaul dan membuang masa di luar rumah. Bebanan tanggungjawab ibubapa yang terpaksa menghabiskan banyak masa mencari nafkah mengakibatkan perhatian terhadap anak-anak terabai. Keadaan ini mendorong anak-

¹⁰⁶ Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee, op.cit., hlm. 128.

anak lebih terpengaruh dengan masyarakat sekeliling. Anak-anak yang tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada ibubapa mula berusaha memenuhi kekosongan tersebut di luar rumah.

Kerenggangan hubungan keluarga juga boleh menyebabkan seseorang itu mengalami masalah gangguan emosi. Kurangnya kasih sayang dan perhatian ibubapa, masalah kewangan dan ibubapa yang sentiasa bergaduh menjadi punca anak-anak merasa tertekan. Tingkah lakunya akan dipengaruhi oleh masalah yang dihadapinya sebagai jalan keluar mengurangkan kerunsingan .

Para penyelidik masyarakat mengandaikan bahawa kegiatan dalam keluarga seperti cara-cara mendidik dan melayan anak-anak ada hubungan yang erat dengan jenayah yang berlaku. Dalam hubungan ini, ibu bapa merupakan peringkat pertama dalam proses menyemai nilai dan sikap positif kepada anak-anak mereka. Proses penerapan nilai dan pembentukan sikap akan dapat diperkuatkan lagi melalui sistem persekolahan dan persekitaran tempat kerja untuk menjadi satu budaya hidup. Nilai positif ini dan institusi kekeluargaan yang menekankan sifat menghormati orang yang lebih tua dan hubungan kekeluargaan yang lebih

erat akan mewujudkan sebuah masyarakat yang berdisiplin dan penyayang serta mampu menghadapi cabaran.

2. Faktor Luaran

a. Suasana Atau Persekutaran

Antara faktor luaran yang menentukan perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam ialah keadaan struktur masyarakat tersebut. Masyarakat yang sangat kukuh integrasinya serta kuat pula pegangannya pada nilai-nilai tradisi, sukar untuk diresapi unsur-unsur baru. Komuniti rural misalnya lebih sukar menerima satu-satu pembaharuan dari komuniti yang menetap di bandar.¹⁰⁷

Kini, hubungan yang semakin erat dengan bandar telah mempercepatkan lagi proses urbanisasi dan modenisasi. Kedudukan bandar dan moden dianggap membawa nilai-nilai maju dan sebaliknya kampung dan tradisi tidak mencerminkan kemajuan. Pembinaan konsep bandar dan moden yang dipupuk dengan nilai-nilai sedemikian mendorong orang Islam terutamanya generasi muda untuk ikut mengalami perubahan.

¹⁰⁷Nik Zainab bt Hj. Abdul Karim, *op.cit.*, hlm. 54.

Kehidupan di bandar mulai menunjukkan sifat-sifat yang berbeza daripada kehidupan di kampung. Orang Islam di bandar berusaha menyatakan kemodenan dan kemajuan dengan memenuhi keperluan-keperluan hidup yang lebih tinggi seperti hiburan dan gaya hidup moden. Bagi mengisi perkembangan ini, berbagai-bagai kegiatan yang tidak lagi terikat dengan nilai-nilai tradisi dan keagamaan muncul di bandar.¹⁰⁸

Perubahan moral anak-anak muda Malaysia umumnya dipengaruhi oleh model masyarakat Amerika. Kebanjiran budaya barat dengan konsep pergaulan bebas mewarnai trend kehidupan generasi muda sekarang. Kebebasan tanpa kawalan menyebabkan merebak 'trend' seks bebas, bersekedudukan, pelacuran dan seumpamanya. Setiap hari terpapar berita pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak, pembunuhan dan penzinaan di kalangan generasi muda. Fenomena ini terhasil sebagai jalan keluar dari tekanan kehidupan moden. Pengangguran dan masalah kewangan yang sering dihadapi di bandar juga menambahkan kerisauan dalam menjalani kehidupan. Akibatnya, mereka mengalami gangguan emosi kerana gagal menyesuaikan diri dengan kehendak atau kehidupan moden di bandar.

¹⁰⁸Wan Abdul Kadir Yusoff, *op.cit.*, hlm. 25.

Imej bandar kepada orang Islam adalah sebagai pusat perkembangan segala jenis maksiat. Orang bandar lebih terdedah kepada berbagai-bagai godaan maksiat yang bercanggah dengan tradisi dan kehendak-kehendak Islam. Orang Islam terutama generasi muda di bandar selalu digambarkan semakin runtuh akhlak dan tidak bermoral. Suasana sosial di bandar lebih mementingkan kegiatan-kegiatan sekular seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, fesyen pakaian yang keterlaluan mengikut barat, perjudian, pelacuran dan sebagainya. Ini boleh merosakkan akhlak orang Islam dan menjauhkan mereka dari agama.

b. Media Massa

Media massa yang merangkumi suratkhabar, majalah, radio dan televisyen boleh meninggalkan kesan positif dan negatif ke atas sosialisasi seseorang. Pengaruh baik dan buruk yang diterima oleh masyarakat melalui media massa bergantung kepada bentuk bahan atau unsur yang didedahkan kepada mereka. Di setiap negara, media iklan dan publisiti adalah lebih menonjol dan meluas daripada sistem pendidikan.¹⁰⁹

¹⁰⁹S.S Husain dan S.A. Ashraf, op.cit., hlm. 20.

Orang ramai kini terdedah kepada berbagai-bagai perkembangan baru. Era kecanggihan teknologi moden merupakan saluran utama kebanjiran ideologi-ideologi baru. Penciptaan berbagai-bagai bentuk media elektronik termasuk perisian komputer terkini atau internet yang dihasilkan dari kepesatan teknologi maklumat memungkinkan kemasukan budaya hidup yang tidak disenangi. Media massa terutama radio dan televisyen sebagai saluran menyampaikan maklumat, memainkan peranan penting dalam memupuk dan membina nilai-nilai moden. Masyarakat disogok dengan budaya barat melalui media cetak dan elektronik. Sebahagian besar rancangan yang dibawa dari barat mendedahkan kemodenan dan kemajuan barat. Majalah-majalah yang berunsur negatif membanjiri kedai-kedai buku.

Program-program televisyen pula mendukung nilai dan pandangan hidup yang negatif.¹¹⁰ Unsur-unsur hiburan seperti filem dan muzik yang selalu dianggap sebagai bahan-bahan ringan hakikatnya memupuk nilai dan 'world-view' moden kepada masyarakat. Kesannya mempengaruhi pemikiran dan sistem-sistem sosial yang lain dalam

¹¹⁰ Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (ed.) (1994), *Persoalan Islam Dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 35.

kehidupan sehari-hari.¹¹¹ Secara rambangnya unsur-unsur negatif dan nilai buruk yang ada dalam filem Barat ialah:¹¹²

- i. Seks - seks sebelum kahwin, seks dengan sebarang pasangan, seks sesama jenis, seks dengan binatang;
- ii. Keganasan - pembunuhan, membunuh diri, menggunakan senjata api, rogol, rompakan, menentang autoriti secara keras, tidak berperikemanusiaan; dan
- iii. Sosial - tidak berkeluarga, bersekedudukan, menentang ibubapa, mendera anak dan isteri, sikap individualistik, materialistik, tidak beragama, khurafat dan khayalan.

Hari ini hiburan rock yang merupakan pengaruh barat semakin berkembang sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi serta dakwah. Lagu-lagu bercorak rock heavy metal dan rap yang dikatakan lebih agresif dan hot

¹¹¹Wan Abdul Kadir Yusoff, *op.cit.*, hlm. 3.

¹¹² Ismail Ibrahim, "Cabaran Nilai Budaya Sosial", *Utusan Malaysia*. 3 Nov. 1995, hlm. 7.

amat diminati oleh muda mudi. Cara pakaian dan pergaulan bebas yang ditunjukkan oleh penyanyi pujaan mereka adalah ikutan yang amat memberangsangkan. Budaya rock menjadi begitu dominan dan mengatasi budaya akhlak dan sopan santun. 'Trend' hiburan murahan import dari luar ini mempunyai kaitan langsung dengan media massa dan petugasnya. Media massa pula ada hubungan erat dengan iklim pemikiran, minat dan sambutan komponen belia dan remaja.

c. Perkembangan Ekonomi

Dalam perancangan negara, pembinaan konsep pembangunan dan pembandaran adalah berasaskan kemodenan sebagaimana negara-negara maju, terutama barat. Matlamat utamanya adalah untuk mencapai kejayaan ekonomi. Ini memberi kesan yang amat ketara dalam membina nilai dan 'world-view' moden kini. Ia mempengaruhi segala lapangan hidup masyarakat Islam. Nilai-nilai ekonomi kini memainkan peranan penting dalam membawa perubahan, kemodenan dan pembangunan untuk kemajuan.¹¹³

Perkembangan seperti ini mengenepikan persoalan nilai-nilai tradisi yang amat bersesuaian dengan

¹¹³ *Ibid*, hlm. 3 dan 4.

pembangunan orang Islam di sini. Misalnya, asas budaya masyarakat yang terletak kepada budi tidak menjadi pertimbangan dalam segala perancangan pembangunan. Matlamat pembangunan sentiasa dinilai tentang untung rugi dalam kiraan wang. Suasana ini akan membentuk kelas sosial masyarakat yang berbeza. Kelas sosial akan menentukan apa yang akan dihayati oleh kanak-kanak daripada budaya masyarakatnya.

Ahli-ahli daripada kelas sosial yang berbeza mempunyai pengalaman sosialisasi yang berbeza. Walau bagaimanapun konflik moral tetap wujud dalam setiap kumpulan status sosio-ekonomi sama ada rendah atau tinggi. Contohnya, kanak-kanak daripada keluarga yang miskin mungkin disuruh mencuri untuk mendapatkan makanan. Bagi keluarga ini, mencuri adalah tingkahlaku yang tidak salah. Kanak-kanak daripada keluarga status sosio-ekonomi yang tinggi pula mungkin menghadapi konflik di antara ajaran agamanya dengan prinsip-prinsip moral di mana cara hidup sehari-hari keluarganya mungkin bertentangan dengan ajaran agama.

Prof. Mohd. Kamal Hassan telah juga memperkatakan tentang beberapa aspek negatif yang dilahirkan oleh

pembangunan *hedonisme* kebendaan ini sebagai pengajaran. Antaranya: sungguhpun pertumbuhan ekonomi mereka meningkat, masalah-masalah seperti inflasi, kesesakan kota, pembaziran sumber alam, pencemaran alam sekitar terus juga bertambah dan menggugat ketenteraman hidup rakyat. Penyakit-penyakit sosiobudaya seperti 'kehilangan adab' dan pemujaan kepada gaya hidup *sensate* yang berpaksikan *hedonisme* nafsu seperti budaya dadah, hiburan, diskò, judi, budaya mempamerkan barang-barang mewah sebagai lambang dan status sosial, keruntuhan institusi keluarga dan lain-lain penyakit sosiobudaya masyarakat semakin menjadi-jadi.¹¹⁴

Keadaan ini menampakkan seolah-olah dalam proses menjadi sebuah negara moden, kita mula meninggalkan nilai-nilai tradisional dan keagamaan seperti ikatan kekeluargaan yang akrab, tolong menolong, bergotong royong dan pegangan agama yang kukuh.¹¹⁵ Penumpuan yang berat sebelah kepada pembangunan material, telah

¹¹⁴ Mohd. Kamal Hassan (1981) "Pembangunan Manusia Secara Sepadu Dan Implikasinya Ke Atas Pendidikan Kebangsaan". Bangi: UKM (Kertas Kerja ini dibentangkan di dalam Seminar Konsep Pembangunan Dalam Islam pada 10 - 12 Mac 1981) hlm. 10.

¹¹⁵ Rosnani Hashim (Dis. 1992), "Masyarakat Moden Dan Dunia Pendidikan". Dr. Ghazali Basri (Ketua Pengarang) *Jurnal Pendidikan Islam* Jil. 5, Bil. 3. Petaling Jaya: ABIM hlm. 20.

melahirkan gejala sosiobudaya yang negatif.¹¹⁶

Gejala-gejala negatif tersebut adalah akibat langsung dari pembangunan, di mana aspek-aspek moral dan kerohanian dilihat sebagai aspek pinggiran dan kurang penting. Natijahnya ialah sebahagian besar nilai-nilai moral dan kerohanian tidak menjadi dasar yang memimpin tingkahlaku dan kegiatan mereka.¹¹⁷

¹¹⁶ Mohd. Nasir Omar (1991), "Islam dan Pembangunan Sepadu: Konsep Dan Perspektif", Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar (ed.), *op.cit.*, hlm. 115.

¹¹⁷ Mohd. Nasir bin Omar (1991), *op.cit.*, hlm. 116.